Bee Wah Plastic Factory Sdn Bhd lwn Francis Soh Kai Shuen (b/s Shatin Marketing & General Agencies)

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — RAYUAN SIVIL NO 11-65-94
JEFFREY TAN PK
20 JANUARI 1996

Kontrak *— Ganti rugi — Jualan barangan — Barangan tidak diserahkan — Jumlah kerugian tidak dibuktikan secukupnya — Apakah ganti rugi yang berpatutan*

Jualan Barangan *— Ganti rugi — Kehilangan keuntungan — Kegagalan membekalkan barangan khas — Apakah ganti rugi yang berpatutan*

Penentang telah memberikan perayu beberapa acuan botol dan perayu telah bersetuju menghasilkan dan membekalkan botol gam plastik dari acuan yang diberikan pada bila-bila masa sahaja apabila mendapat pesanan dari penentang. Penentang telah membuat pesanan untuk botol-botol tersebut tetapi perayu gagal membekalkannya. Pada akhir perbicaraan, majistret telah memerintahkan supaya perayu membayar kepada penentang jumlah sebanyak RM20,972 bersama dengan faedah pada kadar 8% setahun ke atasnya. Semasa rayuan dibicarakan, peguam untuk perayu telah mengemukakan dua hujah iaitu: (i) bahawa kerugian penentang adalah di luar dugaan; dan (ii) bahawa tidak ada bukti tentang kerugian yang dialami. Isu yang harus dipertimbangkan adalah berkenaan dengan taksiran ganti rugi yang dibuat oleh majistret.

Diputuskan, membenarkan rayuan:

(1) Ganti rugi yang dituntut mestilah boleh dijangkakan dengan munasabah oleh pihak yang memungkiri kontrak tetapi sama ada pihak yang memungkiri kontrak boleh dengan munasabah menjangka kerugian itu bergantung kepada pengetahuan 'imputed' ataupun pengetahuan sebenar yang dipunyainya (lihat ms 550B–C); *Victoria Laundry (Windsor) Ltd v Newman Industries Ltd* [1949] 2 KB 528 diikut. Dalam kes ini, keuntungan penentang yang hilang dari penjualan semula botol gam plastik adalah kerugian langsung dan merupakan kehilangan akibat dari kegagalan membekalkan botol-botol itu. Dengan demikian, keuntungan yang dituntut itu adalah tidak terpencil (lihat ms 551C–D); *Fazlur Rahman v Bombay Trading Co (Pte) Ltd* [1993] 1 SLR 440 dan *Lau Sau Kong v Leow Cheng Chiang* [1961] MLJ 171 diikut.

(2) Taksiran biasa untuk ganti rugi dalam kes berkenaan dengan kegagalan untuk membekalkan barangan terdapat dalam ss 57 dan 61 Akta Jualan Barangan 1957 dan ss 51 dan 54 Akta Jualan Barangan 1893 [UK] yang pada dasarnya merupakan perbezaan di antara harga kontrak dan harga pasaran pada masa pemungkiran kontrak apabila terdapatnya pasaran bagi barangan itu dan bukan

keuntungan yang diperolehi dari pembekalan (lihat ms 550D–E); *Lee Sau Kong v Leow Cheng Chiang* [1961] MLJ 17 dan *Lee Heng & Co v Melchers & Co* [1963] MLJ 47 diikut.

(3) Dalam kes ini, barangan yang akan dihasilkan oleh perayu dari acuan yang diberikan oleh penentang adalah barangan khas dengan spesifikasi yang diberikan oleh penentang dan tiada dalam pasaran semasa pemungkiran kontrak. Oleh itu, taksiran ganti rugi melalui perbezaan di antara: (i) keuntungan yang akan diperolehi oleh penentang dari pembekalan botol-botol oleh perayu; dan (ii) keuntungan yang akan diperolehi oleh penentang jika penentang membeli botol-botol dari punca yang lain, tidak terpakai. Perayu seharusnya bertanggungjawab terhadap penentang atas kerugian yang berbangkit dari kegagalan membekalkan botol-botol itu (lihat ms 550F–551B); *Hadley v Baxendale* [1843–60] All ER 461 diikut.

(4) Dalam kes ini, walaupun penentang telah membuktikan liabiliti perayu untuk kegagalan membekalkan botol-botol, tidak terdapat bukti yang mencukupi tentang keuntungan yang hilang. Oleh itu RM2,000 adalah ganti rugi nominal yang adil dan munasabah (lihat ms 551I–552B).

[English summary

The respondent had given the appellant a number of bottle moulds and the appellant had agreed to produce and supply plastic gum bottles made from the mould whenever there was an order from the respondent. The respondent had made orders for those bottles but the appellant had failed to supply them. At the end of the trial, the magistrate had ordered the appellant to pay the respondent an amount of RM20,972 together with interest at the rate of 8% per annum thereon. During the hearing of the appeal, counsel for the appellant argued on two points, namely: (i) that the respondent's loss was unforseeable; and (ii) that there was no proof of the loss incurred. The issue for consideration was in relation to the assessment of damages made by the magistrate.

Held, allowing the appeal:

(1) Damages claimed must be reasonably foreseeable by the party in breach of the contract but whether the party in breach could reasonably foresee such damages depended on his imputed or actual knowledge (see p 550B–C); *Victoria Laundry (Windsor) Ltd v Newman Industries Ltd* [1949] 2 KB 528 followed. In this case, the profits which the respondent lost from the sale of the plastic gum bottles was a direct loss and one which was a result of the failure to supply the bottles. Therefore the profit claimed was not too remote (see p 551C–D); *Fazlur Rahman v Bombay Trading Co (Pte) Ltd* [1993] 1 SLR 440 and *Lau Sau Kong v Leow Cheng Chiang* [1961] MLJ 171 followed.

(2) The ordinary assessment of damages in cases which deal with the failure to supply goods could be found in ss 57 and 61 of the Sale of Goods Act 1957 and ss 51 and 54 of the UK Sale of Goods Act 1893, which basically was the difference between the contract price and market price at the time of the breach, when there was a market for the goods; and was not based on the profit obtained from the supply of such goods (see p 550D–E); *Lee Sau Kong v Leow Cheng Chiang* [1961] MLJ 17 and *Lee Heng & Co v Melchers & Co* [1963] MLJ 47 followed.

(3) In this case, the goods which were to be produced by the appellant from the moulds given by the respondent were special goods with specifications given by the respondent and were not available in the market at the time of the breach. Therefore, the assessment of damages through the difference between: (i) the profits that the respondent would have obtained from the supply of the bottles by the appellant; and (ii) the profits that the respondent would have obtained if the respondent had bought the bottles from other sources, could not apply. The appellant was to be responsible to the respondent for the loss arising from the failure to supply the bottles (see pp 550F–551B); *Hadley v Baxendale* [1843–60] All ER 461 followed.

(4) In this case, however, although the respondent had proved the appellant's liability in failing to supply the bottles, there was insufficient proof regarding the lost profits. Therefore RM2,000 would be fair and reasonable nominal damages (see pp 551I–552B).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai ganti rugi untuk pemungkiran kontrak jualan barangan, lihat 3 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1994 Reissue) perenggan 1488.

Kes-kes rujukan

Associated Pan Malaysia Cement Sdn Bhd v Syarikat Teknikal & Kejuruteraan Sdn Bhd [1990] 3 MLJ 287 (refd)

Eikobina (M) Sdn Bhd v Mensa Mercantile (Far East) Pte Ltd [1994] 1 MLJ 6 (refd)

Fazlur Rahman v Bombay Trading Co (Pte) Ltd [1993] 1 SLR 440 (folld)

Hadley v Baxendale [1843–60] All ER 461 (refd)

Lee Heng & Co v C Melchers & Co [1963] MLJ 47 (folld)

Lee Sau Kong v Leow Cheng Chiang [1961] MLJ 171 (folld)

Ong Hay v Lye Chin Loy [1952] MLJ 42 (refd)

Popular Industries Ltd v Eastern Garment Manufacturing Co Sdn Bhd [1989] 3 MLJ 360 (refd)

Victoria Laundry (Windsor) Ltd v Newman Industries Ltd [1949] 2 KB 553 (folld)

Undang-undang rujukan

Akta Jualan Barangan 1957 ss 57, 61
Akta Jualan Barangan 1893 [UK] ss 51, 54
Akta Kontrak 1950 s 74(1), 74(2)
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 14 k 19, A 18 k 13

Cynthia Lee Bee Gaik (*Gan Teik Chee & Co*) bagi pihak perayu.
Cantius Leo (*Yusuf Lee Pathma & Marbeck*) bagi pihak penentang.

Jeffrey Tan PK: Ini adalah satu rayuan oleh perayu/penjual ('perayu') terhadap keputusan majistret yang bijaksana dalam satu tuntutan oleh penentang/pembeli ('penentang') untuk ganti rugi akibat kegagalan perayu untuk menghasilkan dan membekalkan botol gam plastik, menurut persetujuan pada bulan November 1988.

Keterangan di mahkamah rendah adalah bahawa penentang telah memberikan perayu beberapa acuan botol dan perayu telah bersetuju untuk menghasilkan dan membekalkan botol gam plastik dari acuan yang diberikan pada bila-bila masa sahaja apabila mendapat pesanan dari penentang. Penentang telah membuat pesanan untuk botol-botol tersebut tetapi perayu gagal untuk membekalkannya.

Pada akhir perbicaraan, majistret memerintahkan supaya perayu membayar penentang jumlah sebanyak RM20,972 (jumlah yang sama dengan ganti rugi yang dinyatakan dalam perenggan 8 pernyataan tuntutan) bersama dengan faedah pada kadar 8% setahun ke atasnya. Walau bagaimanapun, tidak ada sebarang perintah tentang kos.

Semasa rayuan dibicarakan, peguam untuk perayu meninggalkan alasan-alasan kedua, ketiga dan keempat dalam memorandum rayuan dan hanya berhujah tentang: (i) kerugian luar dugaan; dan (ii) bahawa tidak ada bukti tentang kerugian yang dialami. Berdasarkan pendapat fakta-fakta oleh majistret bahawa memang wujudnya satu kontrak lisan untuk membekalkan botol-botol tersebut, disusuli dengan kegagalan untuk membekalkannya yang tidak dipertikaikan, maka dengan demikian liabiliti perayu untuk menghasilkan dan membekalkan botol-botol itu dianggap telah dibuktikan. Dengan itu, pati rayuan ini adalah terhadap taksiran kerugian yang dibuat oleh majistret yang bijaksana.

Encik Cantius Leo, peguam bagi pihak penentang menjawab bahawa ganti rugi yang dituntut telah dibuktikan dengan sepenuhnya, walaupun dalam penghujahan, beliau bersetuju bahawa kerugian yang dituntut oleh penentang dan yang terdapat dalam perenggan 8 pernyataan tuntutan adalah hasil jualan kasar yang akan diperolehi oleh penentang dari jualan semula botol gam plastik, tetapi kosnya yang sepatutnya ditolak dari ganti rugi yang dituntut tidak ditolak.

Meskipun isu kerosakan luar dugaan tidak dinyatakan dengan positif oleh perayu dalam pernyataan pembelaan atau dalam memorandum rayuan, ianya dinyatakan dalam perenggan 7 pernyataan pembelaan, iaitu 'save as hereinafter expressly admitted, all the allegations contained in the statement

of claim are herein denied as if the same were set out seriatim and specifically traversed'. Adalah dikatakan bahawa amalan yang lebih wajar ialah menjawab tuntutan ganti rugi secara khusus. Akan tetapi, perayu sebagai defendan tidak perlu memplidkan pengataan ganti rugi kerana A 18 k 13(4) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT 1980') adalah pari materia dengan A 14 k 19(4) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 yang memperuntukkan bahawa sebarang pengataan tentang kerugian yang telah dialami dan amaun ganti rugi yang dituntut dianggap telah disangkalkan kecuali diakui dengan khususnya (lihat *Associated Pan Malaysia Cement Sdn Bhd v Syarikat Teknikal & Kejuruteraan Sdn Bhd* [1990] 3 MLJ 287). Dengan demikian, walaupun ianya tidak dibangkitkan semasa penghujahan dibuat di hadapan majistret, namun isu kerosakan luar dugaan dipertimbangkan dalam rayuan ini.

Seksyen 74 Akta Kontrak 1950 menyatakan bahawa:

> (1) Bila sesuatu kontrak telah dimungkiri, pihak yang mengalami kerugian akibat dari pemungkirian itu adalah berhak mendapat daripada pihak yang memungkirkan kontrak itu pampasan kerana kerugian atau kerosakan yang dialaminya oleh sebab demikian yang sendirinya timbul dalam keadaan biasa daripada pemungkiran sedemikian itu, atau yang diketahui oleh pihak-pihaknya, bila mereka membuat kontrak itu, bahawa mungkin berpunca daripada pemungkiran itu.
>
> (2) Walau bagaimanapun pihak yang memungkirkan kontrak itu tidak bertanggungjawab terhadap kesemua akibat pemungkiran kontrak dan pampasan sedemikian itu tidaklah boleh diberi kepada sebarang kerugian yang terpencil dan tak langsung atau kerosakan yang dialami oleh sebab pemungkiran itu.

Kerugian yang tidak semulajadi (unnatural) dianggap sama seperti kerugian yang tidak langsung oleh Taylor H dalam *Ong Hay v Lye Chin Loy* [1952] MLJ 42. Dengan demikian, beberapa kesan susulan yang dianggap sebagai terpencil mungkin tidak boleh dituntut.

Makna kerosakan luar dugaan telah diselesaikan dalam *Hadley v Baxendale* [1843–60] All ER 461 di ms 465 seperti berikut:

> When two parties have made a contract which one of them has broken, the damages which the other party ought to receive in respect of such breach of contract should be such as may be fairly and reasonably considered either arising naturally, ie according to the usual course of things, from such breach of contract itself, or such as may reasonably be supposed to have been in the contemplation of both parties at the time they made the contract as the probable result of the breach of it. If the special circumstances under which the contract was actually made were communicated by the plaintiffs to the defendants, and thus known to both parties, the damages resulting from the breach of such a contract, which they would reasonably contemplate would be the amount of injury which would ordinarily follow from a breach of contract under these special circumstances so known and communicated. But, on the other hand, if these special circumstances were wholly unknown to the party breaking the contract, he, at the most, could only be supposed to have had in his contemplation the amount of injury which would arise

> generally, and in the great multitude of cases not affected by any special circumstances, from such a breach of contract.

Kerugian yang mungkin boleh dituntut, yang selanjutnya diterangkan oleh Lord Asquith LJ dalam *Victoria Laundry (Windsor) Ltd v Newman Industries Ltd* [1949] 2 KB 553, mestilah boleh dijangkakan dengan munasabah (reasonably foreseeable) oleh pihak yang memungkirkan kontrak tetapi sama ada pihak yang memungkirkan kontrak boleh dengan munasabah menjangkakan kerugian itu bergantung kepada pengetahuan yang dikaitkan atau pengetahuan sebenar (imputed or actual knowledge) yang dipunyainya (lihat *Eikobina (M) Sdn Bhd v Mensa Mercantile (Far East) Pte Ltd* [1994] 1 MLJ 553 oleh Peh Swee Chin HMA in ms 561). 'Reasonable foreseeability' juga diterangkan dalam cara yang sama dalam tafsiran 'remote damages' yang terdapat dalam *Black's Law Dictionary* (6th Ed), sebagai:

> the unusual and unexpected result, not reasonably to be anticipated from an accidental or unusual combination of circumstances — a result beyond which the negligent party has no control.

Taksiran biasa untuk ganti rugi dalam kes kegagalan untuk membekalkan barangan, seperti dalam rayuan ini, terdapat dalam ss 57 dan 61 dalam Akta Jualan Barangan 1957 dan ss 51 dan 54 Akta Jualan Barangan 1893 [UK] (lihat pemerhatian Mahkamah Agung dalam *Eikobina (M) Sdn Bhd v Mensa Mercantile (Far East) Pte Ltd* mengenai pemakaian common law Inggeris seperti yang terdapat dalam s 54 Akta Jualan Barangan 1893 [UK]) adalah perbezaan di antara harga kontrak dan harga pasaran pada masa pemungkiran kontrak apabila terdapatnya pasaran bagi barangan itu dan bukan keuntungan yang diperolehi dari pembekalan (lihat *Lee Sau Kong v Leow Cheng Chiang* [1961] MLJ 17 dan *Lee Heng & Co v C Melchers & Co* [1963] MLJ 47).

Akan tetapi, dalam kes ini barangannya adalah barangan yang akan dihasilkan oleh perayu dari acuan yang diberikan oleh penentang, barangan khas dari spesifikasi yang diberikan oleh penentang dan tidak terdapat dalam pasaran (dan hal ini tidak dipertikaikan) semasa pemungkiran kontrak. Oleh itu, taksiran ganti rugi melalui perbezaan di antara: (i) keuntungan yang akan diperolehi oleh penentang dari pembekalan botol-botol oleh perayu; dan (ii) keuntungan yang akan diperolehi oleh penentang jika penentang membeli botol-botol dari punca yang lain, tidak boleh dipakai.

Kerugian yang dituntut oleh penentang diplidkan (dalam perenggan 8 pernyataan tuntutan) dalam terma-terma berikut:

> By reason of the aforesaid, the plaintiff has been put to considerable loss as a result of its customers cancelling their orders with the plaintiff, in the estimated sum of RM20,972 and further damages suffered as a direct result of the defendant's breach.
>
> Particulars
>
> Tube type bottles
> 1197 gross @ RM10 per gross — RM11,970

Cylinder type bottles 643 gross @ RM14 per gross	RM9,002
	RM20,972

Perayu berhujah bahawa ia tidak ada pengetahuan bahawa botol-botol itu adalah untuk dijualkan semula. Penghujahan itu, andainya benar, hanya terpakai dalam peraturan kedua *Hadley v Baxendale* and bahagian kedua s 74(1) Akta Kontrak 1950; dan kalaupun keadaan luar biasa (special circumstances) tidak terpakai kepada perayu, perayu seharusnya bertanggungjawab terhadap penentang bagi kerugian yang berbangkit dari kegagalan membekalkan botol-botol itu. Dalam kes ini, keuntungan penentang yang hilang dari penjualan semula botol gam plastik adalah satu kerugian langsung dan kehilangan langsung akibat dari kegagalan membekalkan botol-botol itu, sama juga dengan keuntungan yang hilang dari penjualan semula palmolein (lihat *Fazlur Rahman v Bombay Trading Co (Pte) Ltd* [1993] 1 SLR 440) dan kegagalan membekalkan 'scrap iron' (lihat *Lee Sau Kong v Leow Cheng Chiang* [1961] MLJ 17). Dengan demikian, keuntungan yang dituntut itu adalah tidak terpencil.

Akan tetapi, dalam menaksirkan keuntungan yang hilang, majistret telah mengambilkan hasil jualan kasar yang akan diperolehi (RM20,972) sebagai keuntungan yang telah hilang dan gagal mengambil kira kos botol-botol yang merupakan satu butiran perbelanjaan. Walaupun kedua-dua peguam bersetuju bahawa kos bagi setiap botol ialah 3.7sen, dan ianya boleh ditolak dari RM20,972, namum penolakan secara matematik itu merupakan satu taksiran yang tidak adil untuk menentukan keuntungan yang hilang jikalau bukti sebenar tentang keuntungan yang hilang tidak ada.

Peruntukan berkanun yang terpakai dalam kes ini ialah s 57 Akta Jualan Barangan 1957 dan s 74(1) Akta Kontrak 1950. Kedua-duanya memperuntukkan ganti rugi atau pampasan kepada penentang bagi kes kegagalan membekalkan barangan. Akan tetapi, dan memetik penghakiman Edgar Joseph Jr H (pada masa itu) dalam *Popular Industries Ltd v Eastern Garment Manufacturing Sdn Bhd* [1989] 3 MLJ 360 di ms 367:

> It is axiomatic that a plaintiff seeking substantial damages has the burden of proving both the fact and the amount of damages before he can recover. If he proves neither, the action will fail or he may be awarded only nominal damages upon proof of the contravention of a right. Thus nominal damages may be awarded in all cases of breach of contract (see *Marzetti v Williams* 109 ER 842). And where damages is shown but its amount is not proved sufficiently or at all, the court will usually decree nominal damages (see for example, *Dixon v Deveridge* [1825] 2 C & P 109 and *Twyman v Knowles* 138 ER 1183).

Dalam kes ini, walaupun penentang telah membuktikan liabiliti perayu terhadap kegagalan membekalkan botol-botol, namun tidak terdapat bukti yang mencukupi tentang keuntungan yang hilang. Dengan demikian dan

berdasarkan alasan-alasan yang tersebut di atas, rayuan ini dibenarkan; ganti rugi yang diberikan oleh majistret dikurangkan dari RM20,972 kepada RM2,000 sebagai ganti rugi nominal yang adil dan munasabah memandangkan jumlah hasil jualan kasar yang hilang. Tidak ada perintah tentang kos bagi rayuan ini.

Rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Kenneth Goh